

TR 9:12:74

## UCAPAN PERDANA MENTERI SEMPENA TAHUN BARU 1975 MENERUSI RADIO/TV MALAYSIA PADA 30<sup>HB</sup> DISEMBER, 1974

Saudara-saudara sekalian.

Sebentar lagi kita akan melangkah masuk ke tahun 1975, dan dengan ini adalah bermakna kita meninggalkan tahun 1974.

Sebagaimana lazimnya, sambil kita memandang ke hadapan kepada tahun yang baru, mustahaklah juga kita mengingatkan detik-detik peristiwa yang penting yang telah berlaku pada tahun yang lalu. Ibarat kata pepatah "Sekali air bah, sekali pasir berubah" dan kejadian-kejadian yang lalu itu patutlah dijadikan pengajaran untuk panduan masa hadapan kita di samping menjadi kenangan-kenangan yang abadi.

Kita bersyukur ke hadrat Tuhan bahawa tahun 1974 telah berlalu dengan aman dan bahagia dan tidak ada apa-apa mala petaka yang menimpa rakyat di negara kita. Peristiwa yang penting dalam tahun 1974 ialah Pilihanraya Umum yang diadakan dalam bulan Ogos yang telah berjalan dengan aman dan sempurna. Inilah Pilihanraya Umum yang pertama kali kita adakan semenjak berlakunya Peristiwa 13 Mei selepas Pilihanraya Umum tahun 1969 dahulu.

Kita berbangga kerana rakyat Malaysia daripada berbilang bangsa yang ingin kepada keamanan dan kemajuan telah menunjukkan dengan jelas dan nyata bahawa mereka adalah bersedia mendukung konsep Demokrasi Berparlimen dan dapat menggunakan kuasa undi mereka itu dengan bijaksana.

Keputusan Pilihanraya itu jelas memberikan kemenangan yang gilang gemilang kepada Parti Barisan Nasional iaitu Parti yang mendukung Kerajaan pada hari ini. Ini adalah menunjukkan dengan nyata iaitu sebahagian besar rakyat di negara kita—lebih daripada 85%—daripada semua bangsa adalah menyokong Parti Barisan Nasional dan mempunyai kepercayaan yang penuh kepada Kerajaan yang ada sekarang ini untuk menjalankan kehendak-kehendak dan hasrat mereka dan untuk menjadikan negara kita Malaysia negara aman, maju dan bersatu padu.

Oleh yang demikian, amatlah penting dan mustahak difahamkan oleh setiap orang iaitu Kerajaan yang ada pada hari ini adalah mempunyai mandat yang besar daripada rakyat untuk memimpin negara ini, untuk mengawal keamanan dan ketenteraman dan membawa rakyat ke tingkatan kemajuan dan kebahagiaan yang mereka cita-citakan.

Menurut aturan dan peraturan yang dijalankan di bawah negara yang mengamalkan Demokrasi secara Berparlimen, Kerajaan yang telah diberi mandat untuk mentadbirkan negara selepas Pilihanraya mestilah diberi sokongan oleh semua pihak hatta daripada pihak pembangkang untuk melaksanakan tanggungjawab dengan tidak diganggu dan diugut oleh mana-mana pihak terutama sekali daripada mereka-mereka yang menjalankan tindakan di luar garis undang-undang negara dan Perlembagaan.

Tahun baru 1975 ini membawa dua pengertian yang bermakna. Pertama, tahun ini ialah tahun yang terakhir bagi kita melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru. Kedua, tahun ini merupakan tahun cabaran yang akan menentukan kesanggupan dan kemampuan kita mengatasi masalah inflasi dan kemerosotan ekonomi yang kita hadapi. Kedua-dua perkara ini adalah penting bagi rakyat dan negara kerana kedua-dua perkara ini adalah menjadi ukuran kepada kejayaan dan kehasilan kita melaksanakan dasar Kerajaan untuk kepentingan kita sendiri dan untuk kemajuan negara.

Semasa berucap menyambut Tahun Baru 1974 dahulu, saya telah membayangkan berkenaan keadaan ekonomi kita yang akan merosot dan saya telah mengingatkan orang ramai iaitu untuk menghadapi keadaan inflasi yang baru terasa waktu itu, hendaklah kita berusaha mengeluarkan barang-barang makanan dan keperluan dengan lebih banyak lagi. Inilah satu cara yang boleh meringankan bebanan rakyat dalam keadaan harga barang-barang melambung tinggi dan barang-barang pengeluaran kita sendiri merosot jatuh oleh kerana keadaan ekonomi dunia yang merosot.

Pada 20hb Disember yang lalu, saya telah melancarkan Rancangan Buku Hijau atau Gerakan Bumijaya iaitu satu rancangan raksaksa yang bertujuan melibatkan semua golongan dan lapisan masyarakat untuk menjayakan pengeluaran barang-barang pertanian dengan lebih banyak lagi di seluruh pelusuk

negara kita ini. Saya ingin melihat, melalui Gerakan ini, semua pihak—semua golongan rakyat dengan pimpinan dan bimbingan Kerajaan akan menggembelinkan tenaga dalam usaha untuk berdiri di atas kaki sendiri dan mengeluarkan barang-barang makanan dan keperluan hari-hari dengan tenaga dan titik peluh sendiri.

Di bawah Rancangan Buku Hijau ini, rakyat jelata adalah dikehendaki bersama-sama dengan pegawai-pegawai Kerajaan dan wakil-wakil rakyat menyediakan rancangan-rancangan di daerah masing-masing yang boleh dilaksanakan untuk mengadakan barang-barang makanan yang secukupnya bagi penggunaan sendiri. Apabila rancangan ini telah disedia dan diaturkan, mustahaklah bersama-sama melaksanakannya dengan mendapat sepenuh kejayaan. Ini adalah bermakna rancangan-rancangan ini adalah disediakan bersama dengan rakyat iaitu rancangan-rancangan yang datang dari rakyat sendiri dan rakyatlah bersama-sama dengan pegawai-pegawai Kerajaan bertanggungjawab menjayakan rancangan-rancangan itu. Hanyalah dengan cara ini dapat kita semua berdikari iaitu mengeluarkan barang-barang keperluan kita dengan usaha dan tenaga kita sendiri.

Seperti saya tegaskan tadi, inilah satu cara yang penting sekali dalam kita menghadapi keadaan inflasi dan kemerosotan ekonomi. Kalau kita dapat mengeluarkan cukup barang-barang makanan dan keperluan, bagaimana kuat sekalipun angin inflasi dan stagflasi yang bertiup dari seluruh dunia, keadaan di negara kita ini tidaklah membimbangkan dan tekanan ekonomi tidaklah membebankan rakyat.

Kita bersyukur ke hadrat Tuhan negara kita mempunyai tanah yang subur yang boleh ditanam dengan berbagai barang-barang makanan, sayur-sayuran dan buah-buahan dan kalau kita semua berusaha menjayakan tanah-tanah yang ada di negara kita samada yang dipunyai kita sendiri ataupun yang ada pada Kerajaan, saya yakin dan percaya kita dapat menghapuskan tekanan inflasi itu tidak berapa lama lagi.

Oleh itu, saya berseru kepada rakyat jelata sekalian, sambil menyambut tahun baru 1975 ini, kita membaharui tekad dan azam untuk berganding bahu bersama-sama dengan Kerajaan menjayakan rancangan-rancangan yang sedang diaturkan itu.

Saya telah tegaskan bahawa Kerajaan yang saya pimpin pada hari ini tidak akan lari dari tanggungjawab yang kami telah

terima dari rakyat. Kami akan terus mencurahkan segala usaha, tenaga dan fikiran untuk kepentingan rakyat dan negara. Akan tetapi, usaha-usaha Kerajaan tidak akan memberi kehasilan yang penuh melainkan ada kerjasama dari rakyat semua. Oleh itu, dalam menghadapi cabaran di hadapan kita hari ini, sampailah masanya bagi rakyat dan Kerajaan berganding bahu bersama-sama berusaha dan bertenaga untuk mengatasi tekanan inflasi dan kemerosotan ekonomi ini.

Bagi pihak Kerajaan, Kerajaan akan mengambil apa juga langkah yang difikirkan patut dan munasabah untuk hendak meninggikan harga bahan-bahan mentah yang dikeluarkan oleh rakyat khususnya getah, kelapa sawit dan juga kayu-kayan. Rancangan untuk mengatasi kejatuhan harga getah telahpun dilaksanakan dan saya yakin dan percaya faedah-faedahnya telahpun dapat dinikmati oleh rakyat. Begitu juga usaha-usaha sedang diperhebatkan untuk mengguna lebih banyak lagi kayu-kayan bagi mendirikan rumah-rumah samada di bandar-bandar ataupun di kampung-kampung supaya kejatuhan harga dapat dikawal.

Satu peristiwa yang mendukacitakan kita iaitu baru-baru ini ada puak-puak yang tertentu yang telah menjadi alat kepada anasir-anasir Komunis dan anti-nasional telah mengexploitaskan keadaan inflasi dan kemerosotan ekonomi dengan mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan di beberapa tempat di negara kita khususnya di Negeri Kedah dan Utara Negeri Perak. Tunjuk-tunjuk perasaan itu telah pula diikuti oleh segolongan pelajar-pelajar yang cuba hendak menggunakan kekerasan terhadap Kerajaan. Kita amat dukacita dan sedih di atas peristiwa ini lebih-lebih pula perkara ini dilakukan oleh orang-orang yang sanggup menjadi alat anasir-anasir Komunis dan anti-nasional yang sentiasa mempunyai niat tidak baik terhadap Kerajaan dan negara. Kerajaan terpaksa bertindak tegas kerana Kerajaan tidak boleh membiarkan tindakan di luar garis undang-undang itu berleluasan yang boleh membawa kekacauan kepada negara kita.

Kita sentiasa tahu iaitu pihak Komunis dan anti-nasional dan ejen-ejen mereka sentiasa cuba hendak menggunakan Demokrasi semata-mata untuk menghancurkan Demokrasi dengan tujuan supaya mereka itu dapat menjalankan kekerasan terhadap rakyat di negara kita.

Saya bersyukur ke hadrat Tuhan bahawa tindakan tegas Kerajaan dan berkat kerjasama dan persefahaman daripada pihak-pihak yang cintakan kepada keamanan dan ketenteraman negara kita, keadaan telah pulih seperti sediakala.

Kepada kaum pelajar, saya suka mengingatkan mereka iaitu tugas utama mereka hari ini ialah mengisi dada dengan ilmu pengetahuan dan melengkapkan diri supaya mereka dapat memainkan peranan yang bermakna apabila tiba masanya mereka mengambil alih pimpinan negara ini kelak. Di samping itu patutlah mereka ingat bahawa semasa Kerajaan sedang menghadapi ancaman anasir-anasir Komunis dan subversif, sebarang perbuatan yang menentang usaha Kerajaan hanya akan menguntungkan mereka yang ingin melihat negara kita ini pecah belah dan rosak binasa.

Oleh itu, patutlah mereka berhati-hati dalam apa juga perkara yang mereka buat dan segala dakyah dan tuduhan yang didatangkan oleh mana-mana pihak mustahaklah dihalusi dengan sedalam-dalamnya kerana dakyah-dakyah daripada pihak subversif dan anti-nasional adalah semata-mata bohong dan dusta sahaja kerana mereka itu mempunyai niat jahat terhadap Kerajaan dan negara.

Sebagai golongan terpelajar, penuntut-penuntut harus sentiasa cermat dan bertanggungjawab dalam apa juga tindakan yang mereka ambil kerana merekalah yang akan mewarisi masa depan negara kita dan bertanggungjawab menjaga keamanan dan ketenteraman negara serta meneruskan usaha-usaha kemajuan dan pembangunan.

Sungguhpun negara kita sedang menghadapi keadaan ekonomi dunia yang semakin genting, Kerajaan akan terus melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan yang penting dan mustahak untuk faedah rakyat. Rancangan Hydro-electric yang terbesar sekali iaitu di Temenggor akan terus dilaksanakan, walaupun pihak pengganas Komunis cuba hendak mengganggu usaha Kerajaan itu tidak lama dahulu dengan pembunuhan secara kejam terhadap orang-orang awam yang tidak berdosa.

Begitu juga Kerajaan akan terus melaksanakan projek Lebuhraya Timur-Barat yang penting untuk pembangunan negeri-negeri Pantai Timur, tanpa menghiraukan ancaman dari pihak pengganas Komunis. Projek-projek yang lain seperti

pelabuhan besar di Kuantan dan Johor Baharu, Lebuhraya Kuantan-Segamat akan diteruskan dan diharap dapat disiapkan mengikut jadualnya.

Begitu juga rancangan-rancangan raksaksa seperti Rancangan Jengka Tiga Segi, Pahang Tenggara, Johor Tenggara, Trengganu Tengah dan Rancangan Miri-Bintulu di Sarawak akan diteruskan. Pendek kata, dalam peringkat akhir Rancangan Malaysia Kedua ini, kita akan membawa kepada pertengahan Rancangan Malaysia Ketiga beberapa rancangan besar yang dipercayai akan membawa perubahan dan kemajuan kepada negara kita.

Dalam lapangan dunia internasional, kita telah berjaya memberi Malaysia tempat yang boleh dikatakan kemuncak di sisi negara-negara dunia. Kita mempunyai hubungan yang erat dengan semua negara-negara di dunia baik negara-negara besar ataupun negara-negara kecil, negara-negara sosialis dan juga negara-negara Arab.

Dasar luar negara kita yang bebas dan berkecuali telah memberi kita nama yang harum di sisi semua negara-negara di dunia. Begitu juga Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam yang telah kita adakan pada tahun lalu di Kuala Lumpur telah mempereratkan perhubungan Malaysia dengan negara-negara saudara Islam kita di Timur Tengah khususnya.

Pada penghujung bulan Januari 1975 ini saya akan membuat lawatan singkat ke negara-negara Teluk Parsi iaitu Kuwait, Qatar, Arab Emirate dan juga Arab Saudi. Ini akan mengeratkan lagi perhubungan kita dengan negara-negara tersebut terutama sekali dalam lapangan ekonomi dan perdagangan.

Kita bersyukur sungguhpun keadaan darurat masih lagi berada di kalangan kita, akan tetapi keadaan adalah terkawal dan makin bertambah baik. Saya suka memberi pujian tinggi kepada anggota-anggota Tentera dan Polis yang sentiasa menjalankan tugas mereka itu dengan penuh ketabahan dan keberanian untuk menentang dan menghapuskan musuh-musuh negara.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sukalah saya sekali lagi menegaskan betapa penting dan mustahaknya kita meningkatkan langkah usaha yang bertujuan mencapai perpaduan rakyat. Ini mestilah dianggap sebagai perkara yang pokok, bahkan lebih-lebih pula di masa kita menghadapi berbagai rupa cabaran dari

dalam dan dari luar. Tanpa perpaduan yang berkekalan, saya bimbang apa yang kita harap-harapkan tidak dapat terlaksana; malah mungkin pula segala apa yang telah kita bina hingga ke saat ini akan menjadi sia-sia belaka.

Dengan yang demikian, langkah-langkah yang diaturkan oleh Lembaga Perpaduan Negara iaitu menggalakkan inisiatif perpaduan melalui Majlis Perhubungan Masyarakat patutlah mendapat sambutan dan kerjasama semua pihak yang ingin kepada kemajuan dalam negara yang aman dan makmur. Kerajaan Barisan Nasional yang saya pimpin adalah berazam untuk melaksanakan dasar pokok ini iaitu perpaduan rakyat menerusi langkah-langkah yang tertentu yang akan dijalankan dari masa ke masa.

Saya berdoa ke hadrat Tuhan mudah-mudahan tahun baru 1975 ini akan membawa perkembangan-perkembangan dan kemajuan-kemajuan yang pesat berkat penyertaan rakyat yang sepenuhnya dalam semua usaha negara kita baik dari segi ekonomi ataupun perpaduan rakyat. Kita semua mestilah insaf bahawa apa yang kita lakukan hari ini adalah merupakan landasan untuk kita membina negara yang maju dan bersatu padu dan untuk kejayaan jenerasi muda kita pada masa hadapan.

Semoga Allah s.w.t. memberikan kita rahmat dan perlindunganNya serta memberkati segala usaha kita untuk membina masyarakat adil dalam Malaysia baru.

Selamat malam.